

PERANAN PUSAT PUNGUTAN ZAKAT KUALA LUMPUR (PPZ-KL) DALAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MAHASISWA B40 DI UNIVERSITI SWASTA

The Role of the Kuala Lumpur Zakat Collection Centre (PPZ-KL) in the Educational Development of B40 Students at Private Universities

HIDAYATUL SAKINAH BINTI MOHD ZULKIFLI

hidayatul@unisel.edu.my

NURUTTHOILAH BINTI MOHD NABIL

g-62575986@moe-dl.edu.my

NURUL HUSNA BINTI ROSLAN

nurulhusna@unisel.edu.my

RADIATUL JANNAH BINTI RAZMAN

Radiatul1003@gmail.com

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor

Abstract

This study aims to investigate the strategies and mechanisms of zakat distribution by the Kuala Lumpur Zakat Collection Center (PPZ-KL) in alleviating the educational burdens faced by B40 students, who are among those most in need of educational support for a brighter future. In today's increasingly challenging economic climate, zakat assistance serves as an essential support instrument for eligible students. Hence, this study explores the strategies and distribution mechanisms of PPZ-KL, identifies the challenges and obstacles faced by B40 students in obtaining zakat assistance from PPZ-KL, and suggests more effective strategies and approaches for PPZ-KL in supporting the educational development of B40 students. This research incorporates a literature review to identify the background of zakat distribution strategies, along with a qualitative approach through interviews with five students from UNIKL, Kolej Profesional Baitulmal, and UCMI in Kuala Lumpur to gather relevant field data. The study's findings reveal several improvements that can empower the zakat distribution system to become more comprehensive and effective. Ultimately, this study hopes to raise awareness among B40 students about available zakat opportunities and strengthen PPZ-KL's role in supporting the education of those in need.

Keywords: *Zakat Collection Centre (PPZ-KL), Educational Development, B40 Students.*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik strategi dan mekanisme agihan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur (PPZ-KL) dalam meringankan beban pendidikan Mahasiswa B40, golongan yang paling memerlukan sokongan pendidikan demi masa depan yang lebih cerah. Dalam situasi ekonomi yang semakin mencabar, bantuan zakat memainkan peranan

penting sebagai instrumen sokongan bagi mahasiswa yang layak. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji strategi dan mekanisme agihan Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur (PPZ-KL), mengenalpasti cabaran dan halangan yang dihadapi oleh Mahasiswa B40 dalam mendapatkan bantuan zakat PPZ-KL serta mencadangkan strategi dan pendekatan yang lebih efektif bagi PPZ-KL dalam menyokong pembangunan pendidikan Mahasiswa B40. Kajian ini melibatkan kaedah perpustakaan untuk mengenal pasti latar belakang strategi zakat, di samping kaedah kualitatif melalui temubual bersama lima mahasiswa daripada UNIKL, Kolej Profesional Baitulmal, dan UCMI di Kuala Lumpur bagi mendapatkan data lapangan yang relevan. Dapatan kajian ini menunjukkan beberapa penambahbaikan yang dapat memperkasa sistem agihan zakat agar lebih menyeluruh dan berkesan. Hasilnya, kajian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran Mahasiswa B40 terhadap peluang zakat yang tersedia dan memperkuuh peranan PPZ-KL dalam menyokong pendidikan golongan yang memerlukan.

Kata kunci: *Pusat Pungutan Zakat (PPZ-KL), Pembangunan Pendidikan, Mahasiswa B40.*

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian


Dalam era globalisasi yang pesat, zakat bukan lagi sekadar amalan keagamaan, tetapi menjadi teras penting dalam ekonomi negara demi kesejahteraan umat. Sebagai rukun Islam keempat, zakat adalah kewajipan individu (Fardhu Ain) bagi setiap Muslim yang memenuhi syarat, dengan tujuan menyucikan harta dan membantu golongan yang memerlukan.

Di Malaysia, pengurusan dan agihan zakat diselaraskan oleh institusi zakat negeri di bawah Amanah Negeri. Pelbagai bantuan disediakan, termasuk bantuan pendidikan untuk asnaf seperti fakir, miskin, dan fisabilillah, khususnya dalam bentuk yuran pengajian dan sokongan ke IPT dalam dan luar negara.

Inisiatif ini memberi peluang kepada pelajar asnaf untuk melanjutkan pelajaran dan mengurangkan kadar kecinciran akademik. Oleh itu, dana zakat yang dikumpul perlu diagihkan dengan adil kepada lapan golongan asnaf seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Taubah: 60.

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang-orang muallaf, hamba-hamba yang hendak memerdekaan diri, orang-orang yang berhutang, (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir yang kehabisan bekalan. Ketetapan ini adalah dari Allah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Statistik MAIWP 2024 menunjukkan golongan miskin menerima agihan zakat tertinggi sebanyak RM29.98 juta, diikuti fakir (RM22.85 juta), amil (RM14.69 juta), dan fisabilillah (RM9.12 juta), meletakkan fisabilillah di kedudukan keempat daripada lapan kategori asnaf yang layak menerima zakat (Rajah 1, MAIWP NOW). Ia berpandukan kepada gambar rajah di bawah.



Rajah 1 Kategori asnaf yang layak menerima zakat

Sumber: MAIWP NOW

Dalam konteks semasa, pelajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berhadapan dengan tekanan kos sara hidup dan pendidikan yang semakin meningkat. Ketiadaan peluang pekerjaan menyebabkan mereka bergantung sepenuhnya kepada bantuan luar. Menurut Abdul Rahman et al. (2021), pelajar yang tidak mempunyai keupayaan untuk menanggung perbelanjaan sendiri dan sedang mengikuti bidang pengajian yang memberi manfaat kepada masyarakat, adalah termasuk dalam kategori yang layak menerima zakat. Hal ini disokong oleh Nor Sharmainie (2019) yang menegaskan bahawa kenaikan kos sara hidup memberikan tekanan yang signifikan kepada mahasiswa. Selain itu, Norfarahzatul Asikin (2022) menyorot bahawa latar belakang sosioekonomi keluarga B40 turut mempengaruhi pencapaian pendidikan anak-anak mereka.

Di sinilah zakat memainkan peranan penting dalam meringankan beban golongan asnaf. Keberkesanan agihan zakat kini diukur bukan sahaja berdasarkan kutipan, tetapi juga impaknya terhadap kesejahteraan penerima. Bagi mahasiswa, bantuan ini membuka peluang untuk mereka belajar dengan lebih tekun dan berusaha keluar daripada kitaran kemiskinan. Seperti yang ditekankan dalam pepatah Arab, “طلب العلم فريضة على كل مسلم” bermaksud: menuntut ilmu adalah kewajipan bagi setiap Muslim, dengan ini diharapkan agar penerima zakat berpotensi menjadi penyumbang semula kepada masyarakat setelah berjaya.

Oleh itu, strategi pengagihan zakat perlu ditambah baik agar pelajar asnaf tidak tercicir. Kajian ini seterusnya akan meneliti peranan Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur dalam menyokong pendidikan mahasiswa di universiti swasta.

Pernyataan Masalah

Persepsi umum melihat zakat sebagai alat pembangunan ekonomi golongan asnaf, namun dalam realiti semasa, ramai pelajar masih terperangkap dalam kesulitan kewangan hingga terhalang untuk menyambung pengajian. Seperti dinyatakan oleh Muhammad Muhammin et al.

(2021), ramai dalam kalangan asnaf tercicir dalam pelajaran dan sangat memerlukan bantuan zakat untuk melangkah ke tahap pendidikan lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa agihan zakat oleh PPZ-KL berperanan penting dalam membantu pelajar B40 meneruskan pengajian mereka.

Namun, kesedaran terhadap peranan zakat masih rendah. Kajian oleh Ana Shakirah (2021) mendapati ramai pelajar kurang mengetahui atau tidak mengambil berat mengenai zakat harta dan wakaf tunai, meskipun ia berpotensi besar membantu mereka yang memerlukan. Justeru, usaha mempertingkatkan kesedaran ini amat penting.

Kajian oleh Nurul Azma (2022) pula menekankan bahawa pelajar di Sekolah Kedah mempunyai semangat tinggi untuk belajar, namunkekangan kewangan menjadi penghalang utama. Ini membuktikan keperluan bantuan zakat dalam memastikan semangat tersebut tidak terbantut oleh faktor ekonomi.

Mahasiswa di Institusi Pendidikan Swasta (IPS) menghadapi cabaran yang lebih besar berbanding mereka di institusi awam, memandangkan yuran pengajian di IPS perlu ditanggung sepenuhnya tanpa subsidi kerajaan. Oleh itu, zakat menjadi penyelesaian penting bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam mengejar cita-cita akademik mereka. Berpandukan kepada jadual di bawah.

Jadual 1: Yuran Pengajian di IPT Terpilih (Pelajar Tempatan)

	Perniagaan	Undang-undang	Kejuruteraan	Perubatan	Sastera atau kemanusiaan
IPTA	RM6.4K- RM 11.K	RM 7K- RM 12.1K	RM 8K- RM13.2K	RM 13.6K RM15.7K	RM7.1K- RM 7.6K
IPTS I (Cth: Unitern, MMU)	RM 41.6K- RM72K	RM 67.7K	RM51.6K RM84K	RM260.2K	RM40K- RM42.2K
IPTS II (Cth: HELP, Taylor's)	RM 46K- RM102.5K	RM 52.7K RM 104.6K	RM68K RM139.5K	RM 395.5K	RM64K- RM86.5K
IPT Luar negara di Malaysia	RM 67.2K RM 112.8K	RM 112.8K	RM 118.7K- RM190 K	RM 348K RM 499.5K	RM 82.8K- RM111.4K

Sumber: The Centre

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada zakat pendidikan, sebuah aspek yang memegang peranan penting dalam memberikan peluang kepada mahasiswa, terutamanya golongan B40, untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi. Mahasiswa dari golongan ini, yang berhadapan dengan kesulitan kewangan, berhak untuk memohon bantuan zakat pendidikan bagi menampung kos yuran pengajian mereka. Golongan B40 merujuk kepada kelompok isi rumah yang mempunyai pendapatan terendah, yang terdiri daripada hampir 40% daripada jumlah penduduk Malaysia. Menurut Compare Hero (2022), pada tahun 2019, pendapatan sekeluarga golongan B40 dianggarkan sekitar RM3,166 hingga

RM4,850 iaitu jumlah yang amat terbatas untuk menampung pembelajaran anak-anak di Universiti Pendidikan Swasta.

Mahasiswa B40, yang ingin mengejar impian mereka dalam pendidikan tinggi di Institusi Swasta, terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan, terutamanya dari segi kewangan. Walaupun Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur (PPZ-KL) menyediakan bantuan zakat untuk menyokong mereka, terdapat banyak isu yang perlu ditangani untuk memastikan bantuan tersebut sampai ke sasaran. Salah satu cabaran utama adalah kekurangan pemahaman mengenai strategi dan mekanisme pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh PPZ-KL. Pengetahuan yang lebih mendalam tentang proses ini sangat penting untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar memerlukan yang dapat menerima bantuan.

Selain itu, peranan PPZ-KL dalam menyediakan peluang pembangunan diri dan kerjaya kepada mahasiswa B40 juga memerlukan perhatian lebih. Ini termasuk menyediakan program latihan, bimbingan kerjaya, dan peluang untuk membina jaringan profesional yang akan meningkatkan kebolehan mereka bersaing dalam dunia pekerjaan. Walaupun bantuan zakat sangat penting, mahasiswa B40 masih berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memanfaatkannya, termasuk isu birokrasi, kekurangan maklumat yang jelas, dan masalah logistik.

Kajian ini bertujuan untuk menggali lebih dalam tentang cabaran-cabaran ini, serta menilai sejauh mana bantuan zakat mampu menyokong pendidikan dan pembangunan peribadi mahasiswa B40. Dengan pengkajian yang lebih menyeluruh, diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih jelas tentang bagaimana PPZ-KL dapat memperbaiki pendekatan mereka, supaya bantuan zakat dapat disalurkan dengan lebih efektif dan memberi impak yang lebih besar kepada mahasiswa B40.

Pada akhirnya, setiap individu, baik sebagai pembayar zakat maupun sebagai institusi pengagih zakat, perlu menyedari peranan penting mereka dalam menangani isu kecinciran pelajar yang kurang berkemampuan. Hanya dengan kerjasama dan kesedaran kolektif, masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih berkesan.

Sorotan Literatur

Melalui kajian literatur yang dijalankan, pengkaji dapat menggali pelbagai kajian terdahulu yang seiring dengan fokus kajian ini. Dengan merujuk kepada hasil kajian lepas, pengkaji bukan sahaja dapat mengenal pasti jurang yang masih wujud, malah dapat merangka pendekatan baharu yang mampu mengisi kekosongan kajian yang masih belum diterokai.


Kerangka Konseptual Kajian

Zakat pendidikan merupakan instrumen penting dalam Islam untuk memastikan keadilan agihan pendapatan, khususnya bagi mahasiswa B40 yang berhadapan dengan kekangan kewangan dalam menyambung pengajian. Bagi golongan ini, bantuan zakat bukan sahaja membantu mengatasi kemiskinan, tetapi juga meningkatkan akses dan kualiti pendidikan.

Jumlah kutipan zakat oleh PPZ-KL memberi kesan langsung terhadap bilangan pelajar B40 yang dapat dibantu. Kutipan yang tinggi memungkinkan lebih ramai penerima manfaat, manakala kutipan yang rendah mengehadkan agihan dan menyukarkan bantuan sampai kepada semua yang layak. Oleh itu, keberkesanan bantuan bergantung pada penilaian menyeluruh terhadap prosedur dan kriteria kelayakan penerima.

PPZ-KL turut memainkan peranan penting dalam menentukan bentuk bantuan, sama ada secara langsung (contohnya bantuan tunai) atau tidak langsung (seperti program pembangunan akademik). Bantuan langsung memberi kelegaan segera, manakala program tidak langsung menyumbang kepada impak jangka panjang terhadap pembangunan diri pelajar.

Akhirnya, dengan adanya mekanisme yang tepat, mahasiswa B40 berpeluang memperbaiki pencapaian akademik, membina masa depan yang lebih baik dan akhirnya menyumbang semula kepada masyarakat melalui zakat. Ini sejajar dengan aspirasi zakat sebagai “pemacu kegemilangan ummah.” Rajah 2 di bawah menunjukkan kerangka konseptual kajian ini:



Rajah 2: Kerangka konsep

Dalam masyarakat hari ini, penilaian sering dibuat berdasarkan luaran, tanpa memahami cabaran sebenar yang dihadapi individu, termasuk dalam konteks agihan zakat. Seperti yang dinyatakan oleh Razizi Tarmuji (2022), statistik permohonan zakat yang semakin

meningkat setiap tahun, lebih-lebih lagi ketika wabak COVID-19 melanda, menyebabkan banyak permohonan terpaksa ditolak, walaupun pemohon memenuhi kelayakan. Ini berlaku kerana kekurangan dana zakat yang mencukupi, di samping keperluan untuk memastikan maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah tepat dan benar, agar tidak berlaku ketidakadilan dalam pengagihan.

Institusi zakat bertanggungjawab untuk mengagihkan dana secara adil dan telus. Nor Asmira (2022) menegaskan bahawa integriti amil dan pengetahuan agama yang mantap amat penting dalam memastikan amanah ini tidak disalahguna. Dalam konteks pendidikan, zakat berperanan besar dalam membina masa depan pelajar asnaf, membantu mereka mencapai kecemerlangan akademik dan menyumbang kembali kepada masyarakat (Mohammad Muhammin, 2020). Sebagai contoh, zakat telah menjadi pemangkin utama dalam meningkatkan pendidikan bagi golongan asnaf, terutama di kalangan pelajar miskin yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang selepas menerima bantuan zakat (Nor Asmira, 2022). Ini bukan hanya memberi manfaat kepada individu, tetapi turut memberi kesan kepada negara dengan melahirkan generasi cerdas yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat.

Penyelarasaran dalam pengagihan zakat kini dilaksanakan secara lebih efisien, dengan menggunakan sistem cashless melalui aplikasi KiplePay untuk memudahkan transaksi (Mohd Murshidi, 2020). Teknologi semakin berkembang, dan kini pelbagai kedai juga menyediakan kemudahan pembayaran melalui QR Pay. Begitu juga dengan zakat, yang kini memenuhi keperluan pelajar dalam aspek pendidikan, termasuk internet, telefon, buku, dan makan minum, seperti yang dibuktikan oleh kajian di Universiti Teknologi MARA cawangan Kedah (Mohd Nasir, 2022). Dengan cara ini, zakat dapat memenuhi keperluan asas pelajar dan menyokong kelancaran pengajian mereka.

Satu kajian dibuat oleh Razali (2019), menyatakan pendekatan agihan dana zakat pendidikan tinggi di Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) terdapat kepada dua bentuk agihan iaitu, secara langsung maupun agihan secara tidak langsung. Agihan secara langsung yang dikatakan adalah agihan yang dibuat dalam bentuk wang ringgit, peralatan atau kemudahan yang diberikan terus kepada penerima. Agihan Dana Zakat Pendidikan Tinggi UPM ia tidak mengambilkira tempat kelahiran (negeri) pelajar. Dengan kata yang mudah difahami, semua pelajar yang berdaftar di bawah UPM adalah layak untuk memohon dan akan mempertimbangkan kelayakan mereka tersebut. Bagi, agihan secara tidak langsung, agihan yang diberikan tersebut mengikut kepada program dan aktiviti pelajar. Matlamat utama, agihan itu adalah untuk membangunkan sahsiah dan pencapaian akademik pelajar, khususnya selepas mereka tamat pengajian (graduasi). Antara program yang dibuat adalah, program melahirkan asnaf kelas pertama. Sasaran program tersebut adalah para pelajar asnaf yang memperolehi Purata Mata Markah Keseluruhan (PMK) 3.5 dan ke atas. Mereka akan diwajibkan mengikuti program tersebut seperti Model *Neuro-Linguistic Programming* (NLP) dengan menggunakan pendekatan “coaching” digunakan bagi mendorong dan memotivasi pelajar untuk mendapatkan PMK yang baik, serta bergraduat di kelas pertama. Jelaslah bahawa, agihan zakat ini dapat membantu pelajar dalam membangunkan pendidikan mereka serta dapat memotivasi diri agar menjadi insan yang lebih berjaya dan kerjaya pada masa akan datang.

Pada tahun 2018, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) merangka satu pendekatan yang berani apabila memperuntukkan suatu peruntukan yang besar dalam membangunkan Sekolah Zakat Kedah. Penubuhan sekolah zakat ini merupakan agenda besar untuk membantu anak-anak asnaf, pengurusan sekolah dan membuka peluang kepada masyarakat. LZNK mensarankan sebuah sekolah zakat di setiap daerah di negeri Kedah menjelang tahun 2022. Andaian ditubuhkan sekolah zakat ini bertujuan untuk menampung sekurang-kurangnya

seramai 6000 orang anak-anak asnaf yang layak untuk menerima pendidikan di sekolah tersebut. Hal ini seiring dengan isu keciciran dalam pendidikan yang seringkali dibincangkan dengan serius sejak tahun 1960 an lagi. Daripada penubuhan sekolah zakat di negeri Kedah tersebut dapat membuka ruang kepada golongan asnaf dalam menerima pendidikan dengan harga yuran pendidikan yang berpatutan. Masalah isu keciciran pelajar bagi golongan asnaf juga dapat diatasi (Zakaria Othman, 2019).

Menurut Mohd Syahiran (2021), ia menyatakan cara pelaksanaan agihan zakat adalah kepada tiga kelompok asnaf iaitu miskin, fakir, dan fisabilillah. Golongan tersebut telah mendapat peruntukan agihan zakat yang paling banyak dan tinggi berbanding asnaf-asnaf lain. Oleh itu, zakat pendidikan dapat membantu pelajar sehingga tamat pengajian. Bantuan yang disalurkan seperti yuran pendidikan, duit makan dan sebagainya.

Masih ramai dalam kalangan masyarakat islam di negara, khususnya golongan asnaf yang tercicir dalam pelajaran dan memerlukan bantuan zakat untuk meneruskan pelajaran (Mohammad Muhammin, 2021). Berdasarkan kepada kos perbelanjaan pada masa kini yang semakin meningkat dan tidak dapat ditanggung sepenuhnya oleh Mahasiswa. Mereka perlu mengeluarkan wang untuk tujuan pembelajaran seperti membeli bahan ilmiah, alat tulis dan sebagainya. Malah, mereka juga terkesan dengan kenaikan harga barang-barang asas seperti makanan, tempat penginapan, pengangkutan dan lain-lain (Nor Sharmainie, 2019). Ekonomi pada masa kini, agak meningkat dan kos sara hidup yang agak keras.

Bagi menentukan kelayakan pelajar dalam menerima bantuan zakat, pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu mengisi borang permohonan zakat. Tujuannya adalah untuk menyemak status kelayakan samada mereka tergolong dalam golongan asnaf miskin atau tidak. Semakan kelayakan bantuan zakat bagi pelajar ini dilakukan secara manual dengan menggunakan borang yang dicetak dan diperolehi dari Unit Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSU), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEPA) UUM. Antara faktor pelajar tidak mendapat bantuan zakat adalah, pelajar mempunyai rasa malu dalam meminta bantuan. Malah, mereka mempunyai kelayakan penuh dalam membuat permohonan zakat tersebut. Mereka merasakan persaingan dalam memohon bantuan zakat adalah sukar. Mereka beranggapan mereka tidak layak menerima bantuan zakat, ada orang lain yang lebih layak untuk menerima bantuan zakat. Oleh itu, perlu diwujudkan satu aplikasi saringan kendiri yang boleh menyaring golongan asnaf miskin dalam kalangan pelajar dengan cepat dan berkesan. Aplikasi ini dihasilkan untuk memudahkan pelajar dalam menyemak status kelayakan mereka sendiri tanpa diketahui oleh orang lain. Serta terus berhubung dengan pihak Inapan Siswa (INASIS) untuk membuat permohonan bantuan zakat (Rokiah, 2023). Jelaslah, faktor-faktor Mahasiswa B40 tidak menerima bantuan zakat juga terkait dengan faktor dalaman seperti emosional, kurang keyakinan dan rasa malu dalam diri.

Selain itu, menurut Siti Noor Ain, (2022) menyatakan pelajar Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor Kampust Segamat menyatakan pelajar kurang peka dengan makluman awal permohonan zakat yang diedarkan oleh pihak Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UITM JOHOR. Mereka menghantar borang permohonan zakat tersebut di saat akhir dan selepas tarikh tutup permohonan zakat. Namun, pelajar tersebut akan keciciran dalam proses saringan temuduga. Malah, mereka juga terpaksa ditunda permohonannya kepada tarikh lain dan membuat permohonan semula. Ia merupakan antara sebab kesukaran pelajar memohon bantuan zakat secara manual. Mereka tidak cakna terhadap tarikh pembukaan permohonan zakat yang telah ditetapkan. Jelaslah bahawa sikap pelajar yang kurang cakna terhadap tarikh penting tersebut, akan membuatkan mereka tercicir dengan permohonan bantuan zakat pendidikan.

Antara faktor lain, Dokumen pelajar Universiti Teknologi Mara Johor yang diserahkan oleh mereka adalah tidak lengkap. Secara langsung, ia telah melanggar syarat permohonan zakat dan dokumen tersebut akan dipulangkan semula kepada pemohon. Syarat bagi dokumen yang diserahkan semasa sesi permohonan zakat, dokumen yang diberikan hendaklah dokumen yang lengkap dan benar. Tujuannya, zakat dapat diberikan kepada golongan yang tepat. Oleh itu, antara punca permohonan zakat pelajar yang tidak diterima adalah kerana dokumen yang diserahkan adalah palsu (Siti Noor Ain, 2022).

Seterusnya, menurut Mohd Faezul (2019), menyatakan populasi penduduk beragama islam di Sarawak yang agak sedikit berbanding penduduk bukan beragama islam mewujudkan satu cabaran bagi Tabung Baitulmal Sarawak dalam mengendalikan dana zakat terutamanya melibatkan penduduk islam yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Umum mengetahui, zakat hanya diedarkan kepada golongan agama islam. Merupakan satu cabaran kepada institusi zakat Sarawak dalam mengagihkan serta mengedarkan zakat kepada golongan yang tepat.

Akhir sekali, jelaslah bahawa, peranan zakat adalah merupakan tunjang utama kepada pembentukan pelajar dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Zakat dapat mengubah nasib pelajar dengan memberikan bantuan pendidikan yang secukupnya kepada pelajar. Mahasiswa tidak perlu mempunyai rasa ragu untuk menyambung pengajiannya di peringkat IPT. Zakat adalah platform mudah cara pelajar dalam membantu ekonomi B40 stabil untuk menempuh bidang pendidikan dengan efektif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama: pertama, mengkaji strategi dan mekanisme agihan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur (PPZ-KL) kepada mahasiswa B40; kedua, mengenal pasti cabaran dan halangan yang dihadapi oleh mahasiswa B40 dalam mendapatkan bantuan zakat; dan ketiga, mencadangkan strategi dan pendekatan yang lebih efektif bagi PPZ-KL dalam menyokong pembangunan pendidikan mahasiswa B40.

Menurut Sabhita (2006), reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan yang memperincikan langkah-langkah pelaksanaan kajian serta bertindak sebagai garis panduan kepada pengkaji dalam proses pengumpulan, penganalisisan, dan penafsiran data. Reka bentuk kajian biasanya terbahagi kepada tiga kaedah iaitu kualitatif, kuantitatif, dan kaedah campuran. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan untuk menjawab objektif pertama, manakala kaedah kualitatif berbentuk temu bual digunakan bagi mencapai objektif kedua dan ketiga, khususnya untuk mendapatkan maklumat secara mendalam daripada responden.

Sampel Kajian

Bagi mencapai objektif pertama, pengkaji telah memanfaatkan kaedah perpustakaan, menggunakan sumber utama dari laman web MAIWP serta kajian lepas yang relevan. Pengkaji juga menggali maklumat lanjut dengan merujuk kepada pelbagai rujukan di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam. Sementara itu, bagi objektif kedua dan ketiga, pengkaji memilih pendekatan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data, melibatkan seramai lima orang mahasiswa dari Universiti Swasta Kuala Lumpur yang terdiri daripada Unikl, Kolej Profesional Baitulmal, dan UCMI. Sampel yang dipilih adalah khusus kepada mahasiswa B40 yang sedang melanjutkan pengajian mereka di peringkat IPT swasta sahaja.

Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan dua kaedah utama untuk pengumpulan data iaitu kajian perpustakaan dan kaedah kualitatif melalui temu bual. Bagi objektif pertama, pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk sumber sekunder seperti jurnal, artikel ilmiah, laporan tahunan, serta maklumat rasmi daripada laman web Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Kaedah ini membolehkan pengkaji memperoleh gambaran menyeluruh tentang dasar, strategi, dan mekanisme agihan zakat pendidikan oleh PPZ-KL.

Bagi objektif kedua dan ketiga, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual bersemuka bersama lima orang mahasiswa B40 dari institusi pengajian tinggi swasta di Kuala Lumpur, iaitu UniKL, Kolej Profesional Baitulmal dan UCMI. Pemilihan responden dibuat secara purposif, khusus kepada mahasiswa B40 yang sedang mengikuti pengajian di institusi swasta, bagi memastikan data yang diperoleh relevan dengan fokus kajian. Temu bual dijalankan secara mendalam menggunakan soalan separa berstruktur bagi mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan cabaran yang mereka hadapi serta cadangan mereka terhadap penambahbaikan sistem agihan zakat.

Menurut Bangsawan et al. (2022), kaedah temu bual merupakan teknik yang sesuai dalam penyelidikan kualitatif kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh maklumat secara langsung daripada responden. Sepanjang proses temu bual, rakaman audio dilakukan bagi menjamin ketepatan data yang diperoleh dan bagi menyokong kesahihan dapatan kajian. Kaedah ini membolehkan pengkaji menyelami pengalaman pelajar secara mendalam, sekaligus menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Pendekatan gabungan antara data primer (temu bual) dan sekunder (kajian perpustakaan) turut memperkuuh validiti kajian melalui triangulasi data. Di samping itu, pembacaan daripada sumber ilmiah juga membolehkan pengkaji membina perspektif yang lebih kritis serta menghasilkan cadangan yang lebih mantap untuk meningkatkan keberkesanannya agihan zakat pendidikan kepada mahasiswa B40.

Analisa Data

Analisa data adalah proses yang menentukan dan membuat pemilihan terhadap dapatan kajian yang akan ditengahkan melalui proses data yang telah dikumpul. Data tersebut dapat dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang ingin dicapai.

Proses analisis data bagi kajian ini adalah menggunakan persisian Atlas.ti versi 8. Ia merujuk kepada data kualitatif yang dikaji mengikut kaedah tematik bagi menganalisis transkripsi temu bual, membina tema, kategori dan subkategori. Oleh itu, setelah sesi temu bual berakhir, data yang telah dikumpul akan dijadikan sebagai dapatan kajian bagi membantu analisis persoalan kajian.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Setelah sesi temu bual berakhir, pengkaji akan meminta responden untuk menyemak semula maklumat yang telah diperoleh. Kaedah semakan ahli ini digunakan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpulkan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan sebarang kemungkinan dapatan yang tidak tepat atau tidak memuaskan semasa sesi temu bual dijalankan. Dapatan yang diperoleh daripada informan adalah amat penting dalam menjamin ketepatan dan kesahihan kajian. Sekiranya pengkaji mengemukakan hasil yang salah, ia berpotensi menimbulkan masalah besar dalam proses pengumpulan data. Oleh itu, aspek

kesahan dan kebolehpercayaan harus diberi perhatian serius dalam setiap penulisan ilmiah untuk memastikan ketepatan dan keberkesanannya.

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS KAJIAN

Bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian yang telah dianalisis oleh pengkaji mengikut kepada objektif kajian.

1. MEKANISME AGIHAN ZAKAT OLEH PUSAT PUNGUTAN ZAKAT KUALA LUMPUR KEPADA MAHASISWA B40 DI UNIVERSITI SWASTA.

Dapatan kajian ini diperoleh melalui kaedah perpustakaan dengan merujuk laman web MAIWP dan kajian lepas. Di Wilayah Persekutuan, pengurusan zakat dikendalikan oleh MAIWP, manakala kutipan zakat harta dijalankan oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP). Zakat yang dikutip diserahkan kepada MAIWP untuk diagihkan melalui pelbagai program termasuk dalam bidang pendidikan.

Agihan zakat pendidikan oleh MAIWP terbahagi kepada dua bentuk: secara langsung dan tidak langsung. Bantuan langsung merangkumi lapan jenis bantuan seperti Bantuan Am Persekolahan, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Persediaan IPT, dan lain-lain. Agihan tidak langsung pula termasuk penubuhan institusi pendidikan seperti Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS) (MAIWP, 2024).

Syarat kelayakan permohonan zakat termasuklah: beragama Islam, warganegara Malaysia, bermastautin di Wilayah Persekutuan sekurang-kurangnya tiga tahun, serta memenuhi pengiraan *Had al-Kifayah*—iaitu kaedah penilaian keperluan atas bulanan berbanding pendapatan isi rumah. Jika perbelanjaan atas melebihi pendapatan, maka pemohon layak menerima bantuan (MAIWP, 2024).

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa bentuk bantuan pendidikan yang disediakan oleh MAIWP dan disalurkan kepada mahasiswa B40 IPT swasta seperti Bantuan Persediaan IPT, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Pelajar UCMI, Bantuan Pelajar KPBKL, Bantuan Biasiswa Insentif Pelajar Cemerlang, Bantuan Komputer Riba, dan Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan.

Prosedur permohonan bermula dengan penyerahan borang dan dokumen sokongan kepada kaunter khidmat. Setelah semakan dan kelayakan dipastikan, pemohon akan dijadualkan untuk sesi temu duga dalam tempoh lapan hari. Laporan siasatan disediakan dan cadangan perakuan diproses dalam masa tiga hari. Keputusan permohonan dibuat dalam tempoh dua hari dan pemohon dimaklumkan dalam masa tiga hari. Jika diluluskan, surat kelulusan dikeluarkan dalam dua hari dan dihantar ke bahagian kewangan. Bayaran disalurkan dalam tempoh lima hari. Secara keseluruhan, bantuan akan diterima oleh mahasiswa dalam tempoh maksimum 23 hari (MAIWP, 2024). Berikut merupakan bantuan pendidikan yang diberikan oleh PPZ-KL kepada mahasiswa B40:

I) Bantuan Persediaan IPT

Bantuan Persediaan IPT tujuannya adalah untuk membantu golongan mahasiswa asnaf untuk memulakan pengajiannya di Institusi Pengajian Tinggi. Bagi kadar bantuan yang diberikan mahasiswa yang melanjutkan pengajiannya di dalam negara adalah tidak melebihi daripada RM 1,500.00. Manakala, bagi mahasiswa yang melanjutkan pengajian di luar negara adalah tidak melebihi daripada RM 2,500.00. Syarat bagi mahasiswa ingin memohon bantuan ini

adalah selewat-lewatnya tidak melebihi 1 bulan daripada tarikh pendaftaran pengajianannya. Pengajian yang diambil haruslah sepenuh masa sahaja. Bantuan akan diberikan sekali sahaja pada setiap peringkat pengajian dalam tempoh setahun. Cara agihan yang digunakan PPZ-KL dalam mengagihkan bantuan persediaan IPT adalah dengan cara bayaran kepada pelajar secara wang tunai ke akuan pemohon (Electronic Fund Transfer) (MAIWP, 2024).

2) *Bantuan Am Pelajaran IPT*

Seterusnya, tujuan Bantuan Am Pelajaran IPT diperkenalkan adalah untuk membantu mahasiswa asnaf dalam bentuk kewangan untuk menyambungkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi. Kadar bantuan dalam Negara yang diberikan adalah Program Pra Persediaan seperti Matrikulasi dan Asasi, maksimum sebanyak RM 1,000.00. Apabila seseorang Mahasiswa B40 tersebut menyambungkan pengajiannya di Institusi IPT dalam Negara bagi program Profesional, kadar maksimum bayarannya adalah sebanyak RM 2,000.00. Manakala, bagi Mahasiswa yang menyambung pelajarannya di peringkat diploma, adalah maksimum sebanyak RM 3,500.00, di peringkat Ijazah pertama maksimum sebanyak RM 5, 000.00, di peringkat Master maksimum sebanyak RM 6,000.00 serta di peringkat PHD maksimum sebanyak RM 8,000.00. Bahkan, mahasiswa yang menyambung pelajarannya di luar negara seperti menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Pertama, kadar bantuan yang diberikan maksimum sebanyak RM 8, 000.00. Bagi peringkat Master atau PHD maksimum sebanyak RM 12, 000.00 serta Kursus Intensif Bahasa Arab di Markaz Bahasa, Mesir maksimum sebanyak RM 3,000.00. Akhir sekali, bagi pendapatan yang melebihi had kifayah sebanyak RM 5,000.00 sehingga RM 10,000.00 bantuan yang diberikan adalah tidak melebihi RM 2,000.00. Antara syarat khusus bagi mahasiswa dalam membuat permohonan bantuan tersebut adalah tempoh pengajian yang diambil sekurang-kurangnya 6 bulan sama ada sepenuh masa atau separuh masa. Mahasiswa tersebut tidak mendapat mana-mana tajaan yang bukan berbentuk pinjaman. Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan tidak bertentangan dengan hukum syarak. Kaedah atau mekanisme agihan zakat MAIWP adalah dengan memberi bayaran kepada pelajar dengan wang tunai ke akuan pemohon (Electronic Fund Transfer). (MAIWP, 2024).

3) *Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) dan Bantuan pelajar Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)*

Di samping itu, MAIWP telah menyediakan pelbagai program agihan zakat bagi membantu melindungi para asnaf. Bagi Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) adalah untuk membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan dalam menyambung pengajiannya di Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI). Mahasiswa tersebut akan diberikan elauan tidak melebihi RM 500.00 sebulan serta kadar yuran adalah mengikut kepada kos yuran pengajian semasa di IPT tersebut. Syarat umum bagi pemohon, yang boleh diberikan pengecualian dan dipertimbangkan seperti Bukan Warganegara Malaysia serta Bermastautin di luar Wilayah Persekutuan. Manakala, bagi syarat khususnya mahasiswa tersebut merupakan pelajar di Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI). Mahasiswa tersebut tidak mendapat mana-mana tajaan dan biasiswa dari mana-mana pihak. Kaedah bayaran bantuan zakat tersebut akan dibayarkan kepada kolej Universiti Antarabagsa MAIP (UCMI). Manakala, Bantuan pelajar Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) adalah bertujuan untuk membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan untuk menyambung pengajian di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) serta kadar bantuan, pengecualian syarat umum, syarat khusus dan kaedah bayaran sama seperti Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) (MAIWP, 2024).

4) Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang bertujuan diberikan tajaan kepada mahasiswa yang cemerlang dalam melanjutkan pengajiannya di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi. Bagi kadar bantuan yang diberikan di dalam dan di luar negara adalah sama seperti kadar yuran berpandukan kepada kos yuran pengajian semasa di IPT tersebut. Elaun sara hidup dan kos pembelian buku mengikut kepada keperluan semasa berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Yang membezakan kadar bantuan di dalam negara dan negara luar negara adalah dalam negara kadar bantuan sebenar kepada setiap pelajar adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pemilihan SKIM Biasiswa dari semasa ke semasa. Bagi luar negara pula, penetapan kadar Bantuan Bagi Negara lain adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pemilihan Skim Biasiswa mengikut kesesuaian kos sara hidup Negara berkenaan. Antara syarat khusus bagi bantuan ini, adalah tidak mendapat mana-mana tajaan dari pelbagai pihak, cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah serta penetapan di IPT dan bidang pengajian yang akan ditaja tersebut, mengikut kepada peringkat tajaan berpandukan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pemilihan Skim Biasiswa dari semasa ke semasa. Kaedah bayaran yang disalurkan adalah kepada Institusi pengajian Tinggi Mahasiswa tersebut atau Pejabat Pengurusan MAIWP Mesir (PPMM) dan Mahasiswa itu sendiri.

5) Bantuan Komputer Riba


Tambahan pula, Bantuan Komputer Riba kepada mahasiswa adalah bantuan yang membantu Mahasiswa dari kalangan asnaf yang kurang berkemampuan mempunyai komputer riba bagi tujuan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi. Kadar bantuannya adalah sebuah komputer riba untuk setiap mahasiswa yang mempunyai kelayakan. Syarat khusus dalam membuat permohonan ini adalah permohonan dibuka untuk mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda serta pengajian tersebut sepenuh masa sahaja. Bantuan tersebut hanya diberikan sekali sepanjang pengajian dan bantuan tersebut disalurkan kepada pembekal yang dilantik untuk diberikan kepada mahasiswa yang mempunyai kelayakan penuh.

6) Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan.

Akhir sekali, Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan. Tujuannya, bantuan ini adalah untuk meraikan pelajar asnaf cemerlang yang berjaya menamatkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Kadar bantuan adalah tertakluk kepada kadar sebenar pinjaman. Antara syarat khusus adalah mahasiswa bermastautin di Wilayah Persekutuan sahaja. Mahasiswa tersebut mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir di peringkat pengajian. Penetapan bagi had keputusan peperiksaan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Wilayah Persekutuan. Kaedah bayaran adalah PPZ-KL akan membuat bayaran kepada agensi peminjam yang dipinjam oleh mahasiswa tersebut seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan sebagainya.

Jelaslah bahawa, agihan zakat di Wilayah Persekutuan bukan sahaja diberikan secara langsung, malah turut dibelanjakan secara tidak langsung yang dapat memberi faedah kepada Mahasiswa B40. Agihan zakat secara tidak langsung melibatkan pembinaan seperti Institusi Pendidikan MAIWP. Pelbagai bantuan yang diberikan adalah untuk membantu mahasiswa mendapatkan pendidikan di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai pendidikan.

2. CABARAN DAN HALANGAN MAHASISWA DALAM MENDAPATKAN BANTUAN ZAKAT



Hasil daripada analisis, terdapat pelbagai cabaran dan halangan mahasiswa dalam mendapatkan bantuan zakat seperti menyediakan dokumen, kekangan masa, masalah rangkaian atas talian serta kurangnya pengetahuan. Antara aspek dalam mengenal pasti cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelajar adalah berdasarkan pengalaman. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat pengalaman merupakan sesuatu perkara yang telah dialami, dirasai dan ditempuh. Berikut merupakan cabaran mahasiswa dalam mendapatkan bantuan zakat:

1) Menyediakan dokumen

a. Permohonan kali pertama

Antara hasil dapatan daripada sesi temubual bersama Temu bual Informan (TI) mendapati cabaran yang dihadapi oleh informan adalah ketika menyediakan dokumen permohonan bantuan zakat ketika kali pertama. Ini kerana permohonan kali pertama agak rumit dalam melengkangkan segala borang yang diminta oleh PPZ-KL seperti yang dikatakan oleh TI 5:

“.... Pengalaman saya semasa memohon bantuan zakat pada kali pertama, agak sukar kerana banyak borang yang diminta oleh zakat seperti surat MQA, E-student perukan cop dan sebagainya. Saya tidak mempunyai pengalaman sebelum ni memohon bantuan zakat, itulah antara punca sukarnya saya nak mlengkapkan borang zakat dengan masa yang singkat...”.

b. Slip Gaji Ibu Bapa Yang Bekerja Swasta

- i) Anak yang mempunyai ibu bapa bekerja swasta mempunyai cabaran apabila ingin memohon bantuan. Setiap permohonan bantuan memerlukan kepada slip gaji ibu bapa. Seperti yang dikatakan oleh TI 3:

“...So far dokumen yang basic lah, selalunya yang perlu ada macam IC, Surat beranak adik beradik. bil api. Lepas tu, yang susah nak dapatkan tu ni je lah, slip gaji untuk parents yang macam kerja under swasta macam tu? So far tu saja lah dokumen yang diperlukan. Yang susah untuk dapatkan satu dokumen tu je..”

- ii) Hal ini dikuatkan lagi dengan informan yang menyatakan cabarannya adalah ibu bapa yang tidak mempunyai slip gaji haruslah membuat angkat sumpah seperti yang dikatakan oleh TI 5:

“...cabaran terbesar saya adalah ketika ingin mendapatkan borang angkat sumpah ayah saya. Ayah saya dia tidak mempunyai slip gaji. Jadinya, ayah saya perlu pergi ke bahagian angkat sumpah untuk mengesahkan yang beliau hanya bekerja sebagai bilal. Proses tersebut mengambil masa..”

c. Prosedur Menyediakan Borang Permohonan

Cabarannya mahasiswa dalam mendapatkan bantuan zakat juga adalah kesulitan dalam menyediakan borang seperti perlu *print* borang yang perlu dilengkapkan. Mahasiswa tersebut perlu ke kedai *printer* untuk *print* borang yang diperlukan serta masa dan tenaga pelajar telah disumbangkan seperti yang dikatakan oleh TI 1:

“...saya kena print borang e student dan mintak cop daripada Universiti. Baru pihak zakat percaya bahawa kita ni masih belajar di situ, kalau sekadar kita print dia anggap benda tuh tak dapat pengiktirafan lagi. Maksudnya setiap salinan surat yang berkaitan dengan Universiti pihak zakat nak kan cop. Itu merupakan cabaran bagi saya. Cabaran saya nak ulang alik untuk mintakkan cop dan print borang yang diminta..”

d. Memperbahru Borang Permohonan

Setiap permohonan *one off* mahasiswa harus memperbaharui semula permohonan bantuannya pada setiap setahun. Terdapat cabaran bagi mahasiswa dalam memohon bantuan zakat kerana perlu melengkapkan borang tersebut iaitu perlu menghantar semula bil elektrik dan sebagainya seperti yang dikatakan oleh TI 3:

“...saya ambil bantuan zakat dekat segambut untuk bantuan setiap bulan. Kiranya bulanan lah. Setahun sekali, dia kena renew. Habis setahun tu dia akan perbaharui balik. Kita kena pergi. Mohon balik untuk perbaharui semula bantuan tersebut lah. Sekiranya kita tidak perbaharui borang maka, kita tak dapat la bantuan yang baru..”

2) Kekangan masa

a. Dokumen Tidak Lengkap.

Terdapat cabaran mahasiswa dalam memohon bantuan zakat juga disebabkan kekangan masa. Mahasiswa perlu cakna setiap borang yang diminta oleh zakat semasa menyerahkan bantuan permohonan kepada institusi pegawai yang bertugas. Agar tidak berlakunya keciciran dokumen yang tidak lengkap dan perlu pulang semula seperti kenyataan TI 2:

“...cabaran? macam mana nak cakap eh, bila saya datang dekat pusat zakat tu, that time saya rasa dokumen tuh dah cukup, tapi ada dokumen yg tak cukup lagi sebenarnya. So saya kena balik lagi, so macam membuang masa la dekat situ. Dokumen yang tak cukup tuh dokumen surat sakit mak saya, dia sakit diabetes. Saya tak terfikir pulak benda tuh kena. So saya tertinggal la. Jadinya, kena berjumpa dengan doctor, minta surat pengesahan dan hantar semula ke ppz kl...”

b. Prosedur Pulang ke Rumah

Disebabkan kekangan masa, mahasiswa mempunyai cabaran dalam memohon bantuan zakat seperti masa kelas yang padat untuk balik setiap minggu bagi melengkapkan borang. Proses tersebut mengambil masa seperti yang dikatakan oleh TI 5:

“... mak saya nak kena naik grab hantar borang. Lepas tu, saya pun nak kena balik hujung minggu untuk melengkapkan borang yang diminta oleh zakat. So benda tu take time la macam tu...”.

3) Sukar Dihubungi

a. Tidak Dapat Berinteraksi Dengan Mudah.

- i) Antara cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa dalam memohon bantuan zakat adalah masalah rangkaian di atas talian. Pelajar tidak dapat menanyakan soalan yang berkaitan zakat dengan jangka masa yang singkat seperti yang dikatakan oleh informan TI 1:

“...secara berhadapan tidak ada masalah. Secara atas talian, saya pernah telefon tapi tak boleh, maksudnya tak dapat itula cabarannya. Saya nak tanya soalan atas talian memang tidak dapat...”

- ii) Perkara ini disokong oleh informan yang menyatakan, kesukaran dalam membuat panggilan zakat di atas talian. Pertanyaan di atas talian adalah lebih memudahkan pelajar untuk mendapatkan maklumat dengan cepat serta lebih selesa berbanding di hadapan kerana segelintir pelajar mempunyai rasa malu seperti yang dikatakan oleh informan TI 3:

“ ...saya lagi suka bertanyakan soalan kepada pihak zakat di atas talian, kerana saya malu bila berhadapan dengan orang. Bagi saya, saya suka tanya soalan atas talian kerana, tidak perlu pergi ke pusat zakat hanya semata-mata untuk menanyakan soalan, saya perlukan masa pula..”.

4) Kurang Pengetahuan

a. Kurang Mengetahui Maklumat


- i) Terdapat cabaran mahasiswa dalam memohon bantuan zakat seperti kurangnya pengetahuan mengenai zakat. Sekiranya ingin memohon bantuan zakat, info mengenai zakat perlulah diketahui agar tidak berlakunya ketinggalan dalam membuat permohonan seperti yang dikatakan oleh informan TI 1:

“...saya tahu tentang bantuan zakat ini dari rakan saya sendiri, dia memberi tahu pada saya bahawa ada bantuan zakat khusus untuk pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan, terutamanya pelajar-pelajar yang duduk di Kawasan kuala lumpur. Saya tahu hanya dari kawan saya, dari platform lain saya tidak tahu...”

- ii) Hal ini dikuatkan lagi daripada dapatan informan yang mengatakan kurangnya pengetahuan mengenai info zakat merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh mahasiswa dalam membuat permohonan. Daripada info yang diketahui mengenai zakat, mahasiswa akan mengetahui bantuan zakat lebih mendalam seperti yang dikatakan oleh informan TI 3:

“...saya dapat tahu daripada, macam mana nak cakap eh?, by lecture juga lah.. ha dia macam bagi cadangan dekat saya suruh untuk minta bantuan lah supaya mudahkan dari segi kewangan. Dalam family saya macam tu. Ha. lecturer saya sebelum ni dah mohon bantuan ni. Saya memang tak kenal sangat pasal bantuan zakat ni. Saya dulu sambung belajar dekat kolej profesional baitulmal so dari situ. So macam banyak benda lah saya belajar macam tu. So start daripada saya sambung belajar dekat situ. So macam saya pulak ambil bahagian pengurusan zakat wakaf selalu memang dah dia dedahkan. So start situ saya tahu...”

3. CADANGAN EFEKTIF BAGI PPZ-KL DALAM MEMBANTU PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MAHASISWA B40.



Hasil daripada analisis dapatan kajian bagi mencapai objektif yang ketiga iaitu cadangan pendekatan yang efektif bagi PPZ-KL dalam pembangunan pendidikan mahasiswa B40 adalah seperti mengaktifkan media sosial zakat, membuat program seperti jom pergi ke Universiti, membuat iklan, memperkenalkan elaun setiap bulan serta bantuan seperti biasiswa. Ini merupakan strategi boleh meningkatkan kualiti mekanisme agihan zakat serta maklumat mengenai zakat pendidikan dapat diketahui oleh pelajar yang memerlukan. Berikut merupakan cadangan yang boleh dilakukan oleh PPZ-kl dalam membantu pembangunan mahasiswa B40:

1) Mengaktifkan Media Sosial Zakat

- i) Antara cadangan pendekatan yang efektif bagi PPZ-KL dalam pembangunan pendidikan mahasiswa B40 adalah seperti mengaktifkan media sosial zakat KL. Ini kerana, zakat KL tidak mempunyai platform rasmi di media sosial. Zakat KL hanya mempunyai platform rasmi di laman Web MAIWP di platform *google*. Oleh itu, informan mencadangkan agar PPZ-KL mengaktifkan media sosial seperti di Instagram, Tik Tok dan sebagainya. Platform tersebut adalah kerap digunakan oleh pelajar untuk mengetahui mengenai sesuatu perkara. Ini kerana, pelajar pada masa kini, banyak menghabiskan masa mereka di laman sesawang serta mendapatkan segala info penting dan mencari maklumat di pelbagai platform tidak hanya di *google* sahaja seperti yang dikatakan oleh TI 3:

“...kadang-kadang pelajar ni tidak mengetahui mengenai zakat, yang boleh jadi inspirasi zakat adalah menyalurkan bantuan dan memuat naik di media sosial supaya orang awam lebih mengetahui mengenai bantuan zakat pendidikan yang disalurkan...”

- ii) Perkara ini disokong juga oleh informan lain yang menyatakan antara cadangan bagi PPZ-KL dapat membangunkan pendidikan mahasiswa adalah mengaktifkan media sosial bagi pelajar dapat mengetahui maklumat mengenai zakat dengan mudah seperti yang dikatakan oleh TI 2:

“...Mengaktifkan media sosial laman web zakat dan sentiasa update info terkini supaya mahasiswa B40 mereka mengetahui cara-cara permohonan bagi membantu pendidikan mereka..”.

2) Membuat Program Jom Pergi ke Universiti

Antara cadangan lain yang dicadangkan oleh informan untuk meningkatkan pendekatan yang efektif bagi PPZ-KL dalam pembangunan pendidikan mahasiswa B40 adalah seperti membuat program jom pergi ke Universiti. Daripada program tersebut, PPZ-KL dapat menarik pelajar untuk menyambung pelajarannya di IPT bawah MAIWP. Pelajar akan diberikan elauan setiap bulan dan ditaja yuran pendidikannya. Malah sekiranya pelajar tidak mempunyai kelayakan, PPZ-KL juga boleh memberi bantuan kepada pelajar yang ingin menyambung pelajarannya ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi khususnya bagi pelajar yang lahir di Kuala Lumpur. Oleh itu daripada, cadangan informan tersebut ia dapat menyakinkan para pelajar mengenai bantuan yang disalurkan oleh PPZ-KL dalam pendidikan seperti yang dikatakan oleh TI 1:

“....: contoh-cotoh program PPZ-KL boleh jalankan seperti program jom pergi ke universiti, maksudnya boleh menarik pelajar untuk menyambung pelajaran di institusi mereka dan boleh beri bantuan kepada pelajar dari segi bantuan permulaan kepada mereka yang nak melanjutkan pelajaran di mana-mana IPT. Tidak kisahlah melanjutkan pelajaran di kemahiran ke?. Di institusi pendidikan atau di mana-mana. Janji ada bantuan permulaan. Bagi permulaan melanjutkan pelajaran ni, kos dia tinggi. Jadi pelajar-pelajar ni kebanyakannya dari golongan B40 kurang kemampuan dari kewangan. Ada bantuan awal ni boleh membantu pelajar dalam menyambung pelajar khususnya pelajar dari kl..” .

3) Membuat Iklan

Seterusnya, daripada hasil dapatan analisis kajian, informan mencadangkan agar PPZ-KL membuat iklan bagi strategi pendekatan yang efektif dalam pembangunan pendidikan mahasiswa B40. Daripada iklan yang akan dilaksanakan oleh PPZ-KL pelajar dapat mengetahui info mengenai zakat pendidikan di KL. PPZ-KL dapat membuat iklan seperti

mengedarkan *flyers* serta mengadakan iklan di youtube agar pelajar dapat mengetahui maklumat zakat pendidikan dengan mudah. Info mengenai bantuan zakat akan disebar luas serta pelajar dapat memohon dengan mudah seperti yang dikatakan oleh TI 5:

“...Kalau saya standarnya adalah dengan melalui iklan la, sama ada dekat YouTube ke dekat tiktok pun boleh ataupun dekat TV. Kemudian melalui Flyers dekat Masjid ataupun surau dalam kawasan Kuala Lumpur. Contohnya ada kemasukan di Universiti atau Kolej, jadinya dekat situ PPZ-KL boleh buka booth dia orang untuk memberitahu Yang dia orang pun ada membuat bantuan untuk mahasiswa..”.

4) Memperkenalkan Elaun Setiap Bulan

Di samping itu, informan juga mencadangkan agar PPZ-KL berikan elaun setiap bulan kepada pelajar. Pelajar menyatakan jumlah bantuan zakat yang diterima adalah kurang mencukupi untuk menampung kos pendidikannya. PPZ-KL menawarkan bantuan secara *one off* kepada pelajar bagi menampung kos pendidikannya selama satu tahun iaitu selama tiga semester. Oleh itu, informan mencadangkan agar PPZ-KL memperkenalkan elaun setiap bulan bagi golongan yang memerlukan serta dapat menampung kos pendidikannya dengan sistematik. Daripada bantuan elaun setiap bulan yang akan diberikan oleh PPZ-KL, ia dapat menyakinkan pelajar peranan zakat dalam meningkatkan kualiti pendidikannya seperti yang dikatakan oleh TI 4:

“...diberikan elaun setiap bulan bagi golongan kurang berkemampuan, PPZ-KL juga boleh memberikan elaun pada setiap bulan bagi menampung kos pendidikan dengan mencukupi..”.

5) Bantuan Seperti Biasiswa.

Akhir sekali, informan mencadangkan agar memperkenalkan bantuan zakat seperti biasiswa. Informan menyatakan pelajar akan lebih bersemangat untuk menempuh dunia pendidikan dengan berani dan kuat. Daripada bantuan tersebut ia dapat membantu menghapuskan hutang pelajar daripada segi kos pendidikan. Pelajar akan sentiasa bersemangat dalam mendapatkan keputusan yang cemerlang seperti yang dikatakan oleh TI 3:

“...Bantuan kepada pelajar melalui setiap semester tapi anggap dia macam biasiswa. Kalau macam saya sekarang saya cuma dapat bantuan one off. Contohnya dia bagi amaun 4,000, so saya kena pandai bahagi. Jadi kalau saya punya cadangan, kalau boleh zakat buat cara macam biasiswa Yang mana kalau pointer tinggi, zakat akan bayar yuran pendidikan, maksudnya dia akan biaya pelajar tersebut. Kalau dia dapat pointer Yang telah ditetapkan..”.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa peranan zakat memberi kesan positif dalam pembangunan pendidikan mahasiswa B40. Walaupun kajian khusus mengenai zakat dan mahasiswa masih terhad, banyak kajian terdahulu menunjukkan impak positif zakat terhadap pendidikan. Pengkaji mendapati bahawa agihan zakat pendidikan berbeza daripada agihan kepada fakir dan miskin, kerana ia lebih tertumpu kepada keperluan pembelajaran jangka panjang. Ini selaras dengan penegasan Ulfa Adhimah (2021) bahawa Baitulmal berperanan dalam memungut, mengurus dan memanfaatkan zakat demi kesejahteraan asnaf.

Mekanisme agihan zakat pendidikan dilaksanakan secara langsung (bantuan tunai, peralatan) dan tidak langsung (penubuhan institusi pendidikan), dengan peningkatan bilangan penerima setiap tahun. Hairunnizam (2017) menyatakan bahawa pengagihan zakat

menunjukkan trend peningkatan konsisten, mencerminkan keberkesanan peranan institusi zakat dalam memenuhi keperluan mahasiswa B40.

Namun begitu, kajian turut mengenal pasti beberapa cabaran utama yang dihadapi mahasiswa dalam memohon bantuan zakat. Antaranya adalah kesukaran mendapatkan slip gaji ibu bapa, khususnya bagi mereka yang bekerja dalam sektor swasta atau secara freelance. Seperti dinyatakan oleh Rosli Sareya (2022), individu tanpa slip gaji sering berhadapan kesukaran dalam permohonan bantuan. Selain itu, pengkaji mendapati ramai mahasiswa gagal melengkapkan borang permohonan dengan betul. Kajian Siti Noor Ain (2020) menyokong dapatan ini, yang menyatakan bahawa dokumen tidak lengkap, maklumat tidak tepat dan penipuan maklumat menjadi penghalang utama dalam proses agihan.

Satu lagi cabaran ialah komunikasi antara mahasiswa dan PPZ-KL. Mahasiswa lebih cenderung menggunakan platform dalam talian berbanding kaedah bersemuka. Yap Jyh Shen (2023) menjelaskan bahawa generasi muda kini lebih selesa berinteraksi melalui aplikasi mesej dan internet. Pengkaji berpendapat bahawa kecenderungan ini boleh menimbulkan jurang komunikasi jika saluran rasmi zakat tidak mesra pengguna atau kurang responsif.

Berdasarkan dapatan, beberapa strategi dicadangkan bagi meningkatkan keberkesanan bantuan. Antaranya ialah pemberian elaun bulanan kepada mahasiswa. Mohamad Muhamin (2019) mencadangkan model bantuan zakat yang merangkumi elaun bulanan RM300, serta pembiayaan penuh yuran dan asrama. Pendekatan ini diyakini dapat membantu mahasiswa mengurus kewangan dengan lebih teratur dan mengelakkan penyalahgunaan bantuan.

Selain itu, pengaktifan dan pemantapan media sosial institusi zakat merupakan langkah penting. Menurut Khairul Azhar (2021), masyarakat lebih selesa berinteraksi melalui pelbagai platform digital seperti e-mel dan media sosial, yang membolehkan maklumat kutipan dan agihan zakat diakses dengan mudah. Pengkaji mencadangkan agar PPZ-KL memperluaskan penggunaan media sosial sebagai saluran komunikasi dan rujukan utama untuk mahasiswa yang ingin memohon bantuan pendidikan.

KESIMPULAN

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa B40 dapat memperoleh pemahaman yang lebih jelas mengenai peluang bantuan zakat melalui strategi pengagihan yang dicadangkan oleh informan. Antara langkah penting yang diusulkan termasuklah pengukuhan penggunaan media sosial oleh PPZ-KL, penyebaran maklumat melalui iklan, serta pelbagai saluran komunikasi lain. Dengan strategi pengagihan yang lebih efektif, kelangsungan pendidikan mahasiswa B40 dapat dipastikan, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti akademik mereka.

Institusi zakat memainkan peranan penting dalam memastikan dana zakat diagihkan secara adil dan bertanggungjawab kepada golongan mahasiswa B40. Mereka perlu peka dalam mengenal pasti asnaf yang benar-benar memerlukan, agar tiada pelajar tercicir dalam melanjutkan pelajaran. Pada masa yang sama, penerima zakat juga perlu menggunakan bantuan secara berhemah, memfokuskan kepada keperluan pendidikan. Pembayar zakat pula harus melaksanakan tanggungjawab mereka dengan ikhlas, berpandukan prinsip ihsan, sejahtera dengan pepatah, “*Tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima.*”

Kajian ini turut menyumbang ke arah pembentukan masyarakat berpendidikan yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan. Mahasiswa mendapat maklumat yang lebih tepat mengenai bantuan zakat, manakala PPZ-KL pula boleh memperkemas mekanisme permohonan dan pengagihan agar lebih mesra pengguna serta menjamin akses kepada pendidikan berkualiti. Ini seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Sebagai cadangan untuk kajian akan datang, disarankan agar penyelidikan lanjutan dijalankan untuk menilai keberkesanan sebenar bantuan zakat terhadap pencapaian pendidikan mahasiswa B40 di universiti swasta, khususnya dari segi impaknya terhadap kejayaan akademik dan mobiliti sosial golongan ini.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan dalam menjayakan kajian ini. Terutama kepada Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur (PPZ-KL) yang telah menyediakan maklumat dan data yang amat berharga dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, A., Aziad, N. H. M., Safiai, M. H., & Hamdan, M. N. (2021). The level of perception of students towards fi sabilillah zakat distribution: Case study of Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Advanced Research*.
- Adhimah, U. (2018). Analisis yuridis zakat dan infaq sebagai pendapatan asli. Fakultas Syari'ah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh.
- Ag Omar, M. F. (2019). Analisis prestasi kecekapan agihan zakat: Kajian di Tabung Baitulmal Sarawak. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 60–78. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/2546/1685>
- Ayub, M. N. (2022). Impak agihan zakat pendapatan dalam memenuhi keperluan pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 113–118.
- Aziz, S. N. (2020). Tadbir urus agihan dana zakat di UiTM Cawangan Johor: Kajian terhadap isu dan penambahbaikan pengurusan agihan. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 9–22.
- Bakar, N. A. (2022). Sekolah zakat: Peluang peningkatan kualiti hidup menerusi institusi pendidikan. *International Journal of Islamic Business*, 60–75.
- Bangsawan, A. B., Rashed, Z. B., & Salleh, M. B. (2022). Isu dan cabaran pendidikan tafhib di Sabah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7*, 1238–1251.
- Ishak, R. (2023). Merekacipta aplikasi saringan untuk pemilihan asnaf zakat dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 37–46.
- Jusoh, N. A. (2022). Pendidikan asnaf fakir dan miskin melalui sinergi dana zakat dalam membasmi kecinciran. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 72–76.
- Latif, M. S. (2021). Realiti keperluan asnaf fakir dan miskin di Sarawak. *Journal of Multidisciplinary Islamic Studies*, 11–17.
- Mohamad Zaki, M. M. (2020). Cabaran amil dalam mendepani teknologi kewangan. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2 (2), 103–114. https://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2020/11/Vol2_2_11.pdf

- Mohamad Zaki, M. M. (2021). Penentuan skim agihan zakat pendidikan: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 1 (2), 123–147. <https://azjaf-staging.zakat.com.my/index.php/azjaf/article/view/34/23>
- Meerangani, K. A. (2021). Digitalisasi sistem pengurusan zakat di Malaysia: Potensi dan cabaran. *Journal of Business Innovation*, 36–48.
- No Life, N. T. (2021, May 29). Metodologi Kajian [Review of Metodologi Kajian]. Scribd. <https://www.scribd.com/document/509806498/4-0-METODOLOGI-KAJIAN>
- Noor, M. M. (2020). Zakat distribution to asnaf students via e-wallet application (KiplePay): An analysis at Universiti Utara Malaysia. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 102–115.
- Othman, R. B. (2019). Agihan zakat pendidikan tinggi: Satu pendekatan baharu di WAZAN, UPM. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 13–22.
- Othman, Z. (2019). Sekolah zakat: Mekanisme membangunkan asnaf fakir dan miskin menerusi pendidikan di Negeri Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 7–13.
- Rahim, M. A. (2023). Tahap kesedaran pelajar di institusi pengajian tinggi terhadap peranan unit zakat di Negeri Selangor. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 31–43.
- Sapir, A. S. (2021). Analisa tahap kesedaran mengenai zakat harta dan wakaf tunai di Malaysia: Adaptasi skala kesedaran Eugene M. Schwartz. *Kaedah International Zakat Conference*, 556–565.
- Sareya, R. (2022). Pekerja industri filem belakang tabir di Sabah: Isu, cabaran dan strategik. *Akademi Seni dan Teknologi Kreatif*.
- Shuhaimi, N. S. (2019). Kesan kenaikan harga barang asas terhadap mahasiswa di institut pengajian tinggi swasta. *International Conference on Management and Muamalah*, 37–47.
- Shen, Y. J. (2023). Pengaruh kesepian dan harga diri terhadap permasalahan penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 737–751.
- Sax, A. (2014, July 23). Reka Bentuk Kajian [Review of Reka Bentuk Kajian]. SCRIBD. <https://www.scribd.com/document/234887688/Reka-Bentuk-Kajian>
- Tarmuji, R. (2022). Agihan zakat oleh UiTM Cawangan Sabah: Suatu sorotan. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 124–129. <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/310/137>
- Team, E. (2019, December 3). Isu Pembiayaan Pendidikan Tinggi di Malaysia [Review of Isu Pembiayaan Pendidikan Tinggi di Malaysia]. The Centre. <https://www.centre.my/post/isu-pembiayaan-pendidikan-tinggi-di-malaysia>
- Wahid, H. (2017). Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat: Perbandingan antara majlis agama Islam negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39–54.
- Zainal, H. (2016). The role of reputation, satisfactions of zakat distribution, and service quality in developing stakeholder trust in zakat institutions. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2016.08.74>
- Zakari, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>
- Zaki, M. M. (2019). Pengurusan agihan zakat pendidikan: Kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *Journal of Fatwa Management and Research*, 141–173.

- (2022, April 18). Golongan Isi Rumah B40, M40 dan T20 di Malaysia Berdasarkan Pendapatan [Review of Golongan Isi Rumah B40, M40 dan T20 di Malaysia Berdasarkan Pendapatan]. Compare Hero. <https://www.comparehero.my/articles/klasifikasi-pendapatan-di-malaysia-t20-m40-dan-b40>
- (2021, May 6). Analisis Data Kajian [Review of Analisis Data Kajian]. The National University of Malaya. <https://www.coursehero.com/file/96149435/Analisis-data-kajianpptx/#:~:text=ANALISIS%20DATA%20KAJIAN->
- (2022, April 18). Golongan Isi Rumah B40, M40 dan T20 di Malaysia Berdasarkan Pendapatan [Review of Golongan Isi Rumah B40, M40 dan T20 di Malaysia Berdasarkan Pendapatan]. Compare Hero. <https://www.comparehero.my/articles/klasifikasi-pendapatan-di-malaysia-t20-m40-dan-b40>
- (2024, February 26). MAIWPNOW | Dashboard [Review of MAIWPNOW | Dashboard]. MAWIP NOW. <https://maiwpnow.maiwp.gov.my/>
- (n.d.). Pengertian Zakat [Review of Pengertian Zakat]. Lembaga Zakat Selangor. <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/pengertian-zakat/>